

Evolusi Daesh

ibrah

DR. PROF. MADYA DR. MUMU NIZAM NANAFTAN
(Sarjana Polarisat The Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat; Rakan Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Penulis buku Bahasa ISIS (Daesh))



penjara di Jordan dan menuju ke Pakistan. Dia bertemu dengan Osama Bin Laden di Kandahar tetapi tidak disukai Osama kerana pandangan tegarnya. Namun begitu, dia dibekalkan wang sebanyak AS\$200,000 (RM890,000) oleh Osama sebagai pinjaman untuk membina sebuah kem latihan di Herat, bandar ketiga terbesar di Afghanistan.

Di kem ini, dia menubuhkan *Jund al-Sham*, memiliki sekitar 150 anggota, melatih militan untuk mengeluarkan senjata kimia dan dikatakan sebagai antara kemudahan latihan al-Qaeda walaupun Zarqawi belum berbaik dengan Osama.

Kemudiannya, dia menghantar Abu Abdel Rahman al-Shami untuk membina jaringan dan menubuhkan *Jund al-Islam* di utara Iraq, di wilayah semi-otonomi Kurdistan yang terlindung daripada ancaman Saddam Hussein ketika itu kerana zon larangan terbang *Jund al-Islam*



menguasai kawasan pergunungan seluas 500 kilometer persegi, diduduki sekitar 200,000 orang dan selepas peristiwa 11 September 2001, ia bergabung dengan sel militan lain serta membentuk kumpulan yang lebih besar,

dikenali sebagai *Ansar al-Islam*. Apabila pemerintahan Taliban di Afghanistan dijatuhkan oleh Pakatan Utara dan negara Barat, Zarqawi yang tercedera dengan pengikutnya seramai 300 orang melarikan diri ke Kandahar sebelum memasuki Iran dan mendapat rawatan di Mashhad. Usaha Kerajaan Jordan melakukan ekstradisi terhadapnya ketika itu kerana merancang serangan ke atas beberapa lokasi di Jordan, menemui

kegagalan.

Kemudiannya, Zarqawi memindahkan pasukannya ke wilayah Kurdistan Iraq dengan bantuan *Ansar al-Islam* dan seterusnya menubuhkan sel kecil di Biyara. Selepas beberapa bulan, sel ini dinamakan semula sebagai *Jama'at al-Tawhid Wal Jihad (JTJW)*. Semasa Iraq diserang dari 19 Mac ke 1 Mei 2003, Zarqawi telah menubuhkan 'sel senyap' di Baghdad.

Kemudiannya, pemberontakan bersenjata ke atas Tentera Amerika Syarikat (AS) bermula oleh pejuang pro-Saddam sebelum disertai JTJW. Namun selepas Saddam ditangkap pada 13 Disember 2003, kebanyakan pejuang pro-Saddam meletakkan senjata atau memasuki pelbagai kumpulan jihad.

MULA TUNJUK 'TARING'

JTJW menunjukkan taringnya apabila melaksanakan tiga serangan pada Ogos 2003 iaitu meletupkan sebuah kereta di Kedutaan Jordan di Iraq pada 7 Ogos 2003 (membunuh 17 orang) dan menggunakan pengebom bunuh diri di Misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Iraq pada 19 Ogos 2003 (membunuh 20 orang termasuk wakil khas PBB di Iraq).

Pada 29 Ogos 2003, JTJW melancarkan serangan bom kereta ke atas Masjid Imam Ali Syiah di Najaf, menggunakan bapa mertuanya 'untuk syahid' yang membunuh 95 orang



PANCUNG kepala antara hukuman sering dilaksanakan Daesh yang kononnya mengikut undang-undang syarak.

Raadi berada bawah kawalan pelbagai kumpulan militan.

PENGAJARAN EVOLUSI DARI JUND AL-ISLAM KE JTJW

- Sebahagian mujahidin Perang Soviet-Afghanistan bertukar menjadi militan dengan melancarkan serangan, pemberontakan ke atas pemerintah Muslim di negara asal mereka, seperti Arab Saudi, Jordan, Algeria, Indonesia, termasuk Malaysia.

- Kumpulan pengganas berevolusi mengikut persekitaran untuk meneruskan kelangsungan mereka dengan berhijrah ke tempat lain, mendapatkan kerjasama sesiapa yang boleh membantu, merekrut ahli baharu dan melakukan penjenamaan semula, seperti berlaku di Filipina dan Indonesia.

- Sesebuah kumpulan pengganas bermula dengan sel yang kecil, menjadi besar apabila bergabung dengan sel-sel lain yang berkongsi matlamat sama, berkompromi atas matlamat tidak disepakati.

- Kumpulan pengganas tidak mengambil kira orang awam, pihak berkecuali, pasukan bantuan kemanusiaan, ahli NGO terbunuh atau masjid yang rosak apabila melakukan serangan. Ini bertentangan dengan Islam, nilai-nilai sejagat dan prinsip kemanusiaan.

- Negara kucar-kacir, penuh konflik mudah dieksploitasi pihak luar dan kumpulan pengganas untuk bertapak serta berkembang.

MEMAHAMI sejarah Daesh amat penting agar dapat mengetahui bagaimana sesebuah organisasi pengganas boleh bermula dan berkembang. Sebahagian penyelidik menyatakan Daesh bermula lewat lewatnya pada tahun 2009 apabila Abu Musab al-Zarqawi dibebaskan dari



BEBERAPA lelaki dipercayai anggota kumpulan Daesh ditahan oleh tentera Iraq di kawasan perumahan Eolam, timur Mosul di Iraq.